

Ulasan BUKU:
Understanding Jihad
David Cook
2016

Berkeley University of California Press. ISBN: 9780520287327

Shahidatul Ashikin Shahran¹, Najah Nadiah Amran² & Latifah Abdul Majid³

¹syah.asyiqin@gmail.com, ²najah@ukm.edu.my, ³umilm@ukm.edu.my

¹Calon sarjana Pusat Kelestarian Turath Islami , FPI, UKM

^{2&3}Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami , FPI, UKM

1. Pengenalan

Understanding Jihad ialah karya yang memuatkan maklumat mengenai konsep jihad. Karya ini adalah hasil penulisan daripada David Cook, seorang Professor Madya bidang teologi dalam pengkhususan agama Islam di Rice University, Texas, United State. Karya ini membincangkan mengenai kronologi perubahan konsep jihad bermula dari zaman Rasulullah SAW sehinggalah zaman kontemporari di mana munculnya gerakan-gerakan radikal yang bernaung di bawah kalimah jihad Selain itu, David Cook juga menampilkan perbezaan di dalam karyanya dengan membahaskan konsep mati syahid. Ini kerana, kebanyakan karya sarjana barat hanya tertumpu kepada konsep jihad semata-mata. Setiap bab membahaskan kronologi sejarah jihad bermula dari peristiwa Hijrah, Perang Salib sehinggalah ke zaman kontemporari yang mengaitkan jihad dengan keganasan. Metodologi yang digunakan oleh David Cook dalam karya ini adalah menggunakan pendekatan analisis kandungan sejarah. Karya ini mempunyai enam bab dengan pengenalan yang diletakkan secara berasingan. Menurut David Cook seperti yang telah ditulis di dalam pengenalan, makna jihad yang paling utama yang digunakan oleh ulama-ulama klasik ketika zaman pra-modern adalah “*warfare with spiritual significance*” (2005:2) iaitu merujuk kepada perjuangan atau peperangan.

2. Kandungan Buku

David Cook memulakan perbincangan mengenai konsep jihad dalam bab yang pertama dengan menelusuri kehidupan dan ajaran Nabi Muhammad SAW yang bermula dengan penghijrahan baginda ke Madinah. Ini kerana, menurut David Cook, penggunaan kalimah jihad secara meluas selepas berlakunya Hijrah (2005: 5-6). Di samping itu juga, David Cook membincangkan siri-siri peperangan yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW disertakan bersama ayat-ayat al-Quran yang menggambarkan peristiwa tersebut. Selain itu, teori dan amali ketika permulaan penaklukan Islam dan juga definisi dan matlamat jihad ketika itu turut dibincangkan di dalam bab ini. Disebabkan oleh penaklukan yang hebat pada ketika itu, jihad menjadi elemen utama dalam teras Islam. Tanpa penaklukan, agama Islam tidak mempunyai peluang untuk disebarkan. Ini menjadikan penaklukan adalah salah satu pra syarat dalam penyebaran Islam (2005: 13). David Cook juga merujuk kepada kitab-kitab hadith yang membincangkan konsep jihad. Selain merujuk kepada kitab hadith Imam yang utama iaitu al-Bukhari, Muslim, al-Thirmidhi, Abu Daud, Al-Nasaie dan Ibnu Majah, beliau juga merujuk penulisan Abdallah bin al-Mubarak (d. 797) iaitu kitab al-Jihad. Konsep mati syahid juga dibincangkan dalam bab ini yang merangkumi definisi mati syahid dan ganjaran yang diperolehi bagi para syuhada atau yang mati syahid.

Seterusnya, dalam bab yang kedua, David Cook mengembangkan lagi perbincangan jihad yang melibatkan jihad agung (greater jihad) dan jihad kecil (lesser jihad). Berdasarkan kepada hadith-hadith dan definisi mati syahid, jihad tidak semestinya melibatkan perjuangan atau peperangan sebenar (2005:32). David Cook mula mencari pembuktian konsep jihad rohani setelah berhentinya penaklukan pada kurun ke-8 dan ke-9 (2005: 33). Ini adalah kerana, pada ketika ini, ulama klasik mula bergabung dengan ahli tasawwuf. Oleh yang demikian, David Cook memetik penulisan Abdallah bin al-Mubarak (d. 797) dalam kitab *al-Jihad* “*the*

fighter is one who fights his (lower) soul" dan membahagikan jihad kepada jihad agung dan jihad kecil (2005: 35). David Cook menyebut antara pelopor pertama yang mengatakan perjuangan melawan hawa nafsu untuk jihad agresif adalah al-Muhasibi (d 857) dan Ibn Abi al-Dunyan (d.894). Antara penulis yang terawal dari kalangan ahli sufi pula adalah Abu Talib al-Makki (d. 996). Namun begitu, istilah jihad agung belum digunakan secara meluas melainkan selepas kemunculan tokoh ternama dalam bidang agama dan sufi iaitu Imam al-Ghazali (d.1111) di dalam karya agungnya "Ihya' Ulum ad-Din". Seterusnya Ibn al-Arabi (d.1240) muncul sebagai penyambung tradisi pemikiran Imam al-Ghazali meskipun terdapat sedikit perbezaan yang mana beliau tidak menafikan sebarang kebenaran berkaitan peperangan militan dalam Islam (2005: 39). Selain itu, David Cook juga menampilkan Ayatullah Ruhullah al-Khumayni (d. 1989) sebagai penulis yang berpengaruh berkaitan jihad agung walaupun penulisannya berbeza dari zaman pra-modern dan lebih bersifat kontemporari. David Cook juga sangat teliti dalam menilai sarjana Barat dan sarjana Muslim (muslim apologists) yang membahaskan jihad agung sebagai perjuangan melawan hawa nafsu kerana menurutnya keutamaan jihad dalam Islam adalah berdasarkan kepada sejarah dan realiti agama: istilah pertama yang ditampilkan adalah tentera bersenjata dan penaklukan agresif kemudian disertakan dengan makna tambahan.(2005: 40-44).

Bab yang seterusnya, David Cook membincangkan "crystallization" (penghabluran) teori jihad ketika Perang Salib (*crusade and counter-crusader*). Bab yang ketiga ini David Cook membincangkan suasana Negara Islam pada permulaan kejatuhan kerajaan Islam Umayyah selepas kemangkatan al-Mansur bin al-Amir (98-1002). Ketika ini, berlakunya serangan kristian Eropah ke atas Sepanyol dan peristiwa ini dipanggil sebagai Perang Salib (The Crusades) seterusnya pencerobohan tentera Mongol menyebabkan kemusnahan di bahagian timur dunia Muslim pada akhir era khalifah Abasiyyah. David Cook juga menampilkan beberapa karya-karya jihad yang terhasil pada ketika ini dalam usaha untuk mengkodkan dengan sah dan menubuhkan parameter Islam berkaitan peperangan (2005: 58) antaranya Ibn Hazm (1064), Ibn al-Arabi (1148/9), Abu Bakar al-Kasani (d.1191) dan Ibn Qudama al-Maqdisi. Juga menampilkan al-Burzuli pakar undang-undang Tunisia dan al-Wanshiri yang mengumpul fatwa perbincangan jihad (2005: 62) dan Ibn Taimiyyah.

David Cook seterusnya meneliti perubahan dominasi daripada kuasa Islam kepada kuasa barat pada kurun ke-8 dan kurun ke-9 dalam bab empat. Kemunculan kumpulan Wahhabi di Arab Saudi telah mengisytiharkan jihad melawan Muslim yang lain di Mesopotamia dan Semenanjung Arab, dan memusnahkan tempat suci bagi puak Syiah di Karbala dan puak Sunni di Makkah dan Madinah. Selain itu juga, David Cook memberikan data yang penting berkaitan dengan pembaharuan dan halangan terhadap dominasi barat di Nigeria dan Afrika Barat, India, Caucasus, Morocco dan Algeria, Afrika Timur dan Empayar Uthmaniyyah.

Bab yang ke lima, David Cook membincangkan mengenai Islam radikal dan teori jihad kontemporari yang bermula pada kurun yang ke dua puluh. Ini kerana, pada ketika ini penentangan terhadap kuasa Barat berlaku secara terang-terangan dan menyebabkan makna jihad berubah kerana ketidaksuaiannya dengan suasana baru. Tambahan pula, kebanyakan negara Islam pada masa itu diperintah oleh penjajah Eropah. David Cook juga menampilkan beberapa tokoh aktivis seperti Muhammad Abduh, Hassan al-Banna, Rashid Rida, Sayyid Qutb di Mesir, dan Abu al-Ala al-Maududi di Pakistan yang telah membina paradigma baru bagi jihad. Selain itu, David Cook juga membahaskan perkembangan beberapa gerakan jihad yang muncul beserta ideologi mereka di dalam gerakan tersebut. Di samping itu, David Cook juga menjelaskan gerakan jihad yang wujud berdasarkan kepada aliran fahaman sunni di Mesir dan aliran fahaman syiah di Lubnan dan Iran. Gerakan penentangan di Palestin dan Kashmir dan kesinambungan gerakan Islam radikal di Algeria. Bab ini juga membahaskan mengenai jihad kontemporari dengan menampilkan beberapa tokoh seperti Muhammad Said al-Buti, al-Ghunaymi, al-Qadiri dan Muhammad Khayr Haykal. Terdapat dua jenis aliran pemikiran berhubung dengan jihad kontemporari sama ada jihad itu adalah defensif atau jihad itu adalah peperangan (militan) dan agresif yang cenderung untuk memulihkan kemuliaan Islam. David Cook memetik kritikan Muhammad Said al-Buti, sarjana dari Syria bahawa orang Islam tidak berperang untuk menangkis pencerobohan sebaliknya adalah untuk mengakhiri kekufuran.

Seterusnya bab yang terakhir iaitu bab yang ke enam, David Cook membincangkan mengenai Islam

radikal pada peringkat global dan operasi mati syahid (*globalist radical Islam dan martyrdom operations*). Peralihan yang berlaku daripada teori jihad kontemporari dan gerakan Muslim tempatan kepada Muslim radikal global adalah Abdullah ‘Azzam dari Palestin. David Cook berpendapat Osama bin Laden adalah kunci utama wujudnya pelbagai gabungan gerakan radikal. Ini kerana, pengasas kepada *Gama’at Islamiyyah*, Ayman al-Zawahiri dari Mesir, telah meletakkan dirinya di bawah kekuasaan Osama bin Laden pada tahun 1998. Selain itu, David Cook juga membahaskan operasi mati syahid. Operasi ini bermatlamatkan penubuhan Negara Islam atau sekurang-kurangnya untuk membalas dendam. Namun begitu, tiada satu pun kumpulan radikal yang mampu mencapai matlamat tersebut. Oleh yang demikian, mereka menyerang sasaran yang simbolik bagi menimbulkan ketakutan orang ramai dan menarik rasa kagum dalam kalangan orang Islam. Bab ini juga terselit tentang keajaiban mati syahid yang bakal dialami oleh mujahidin sekiranya mereka mati syahid. Ini juga adalah komponen terbesar dalam global Islam radikal.

3. Kesimpulan

Karya ini secara keseluruhannya membincangkan konsep jihad bermula dari zaman Rasulullah SAW dan perubahan konsep jihad dalam pandangan gerakan radikal global. Karya ini relevan untuk diketengahkan sebagai bahan bacaan akademik dan bacaan awam bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai ideologi baru yang menggunakan jihad sebagai teras dalam gerakan radikal Islam. Karya ini diharapkan dapat memberikan maklumat mengenai pemahaman dan penilaian sarjana Barat mengenai konsep jihad.